

## **KARNIVAL HIJAU DAN PELANCARAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2020**

ISNIN, 26 OKT. - POLITEKNIK SEBERANG PERAI (PSP) menjalankan kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan program Karnival Hijau dan Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2020. Penganjuran dengan bertemakan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama adalah ke arah memupuk dan membudayakan teknologi serta amalan hijau diadakan selama 20-26 Oktober 2020. Beberapa agensi dan pemain industri iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, FAMA, CETREE USM, Taiace Engineering Sdn. Bhd., Malaysian Green Technology and Climate Change Centre dan Dialight Sdn. Bhd. telah memberikan kerjasama erat bagi mencapai matlamat program.

Situasi semasa negara yang dilanda pandemik COVID-19 sangat memberi kesan kepada seluruh dunia dan semua sektor termasuk sektor pendidikan. Walau bagaimanapun Karnival Hijau 2020 tetap dilaksanakan dengan menggunakan norma baru. Karnival ini telah menarik minat seramai seribu orang peserta yang telah mendaftar secara dalam talian. 11 pertandingan yang telah dijalankan di sepanjang minggu ini termasuklah Pertandingan Video Teknologi Hijau, Pertandingan Kereta Solar, Pertandingan Line Follower Robot, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Melukis Poster, Pertandingan Tenaga Biojisim, Pertandingan E-waste Peringkat PSP, Pertandingan Green Technology Show, Pertandingan Green Cooker Challenge, Pertandingan Reka Bentuk Bandar Teknologi Hijau, Pertandingan Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi Hijau.

Penyertaan yang menggalakkan melibatkan IPTA, pelajar sekolah menengah dan rendah dari seluruh Negeri Pulau Pinang. Proses pertandingan dilaksanakan secara dalam talian yang memerlukan peserta perlu memuat naik video mengikut syarat-syarat penyertaan dan kriteria pemarkahan serta terdapat pertandingan secara live streaming. Ini merupakan alternatif penganjuran memandangkan pertandingan secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan sekarang.

Selain daripada itu, pelaksanaan Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) juga diadakan secara dalam talian iaitu melalui siri webinar. Setiap politeknik perlu mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi PPI di dalam situasi pandemik COVID-19. Penggunaan teknologi digital selaras dengan perkembangan semasa dipraktikkan dan digunakan sebaik mungkin dengan pelaksanaan Siri Webinar bersama-sama dengan agensi yang terlibat. Siri webinar ini bukan sahaja kepada pelajar PSP tetapi juga disebar luas kepada IPTA, sekolah dan organisasi luar melalui pelbagai saluran seperti surat, laman sesawang PSP, Facebook, Twitter dan Instagram serta juga dipromosikan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang.

Pengarah Politeknik Seberang Perai, Surveyor Harith Fadzilah Abd Khalid ketika ditemui berkata, "Karnival Hijau bertujuan memberi kesedaran dalam kalangan pelajar dan masyarakat mengenai kepentingan pengetahuan tentang teknologi hijau dan kesan kepada kehidupan. Selain itu, program ini dapat memberikan kefahaman kepada pelajar dan masyarakat bahawa proses pembangunan yang dilaksanakan perlu memastikan alam sekitar bersih, sihat dan selamat untuk masyarakat setempat."

Tambah beliau lagi Karnival Hijau dijadikan acara tahunan dan melibatkan kerjasama dengan syarikat dan pemain industri bagi membangun minda pelajar ke arah penghayatan persekitaran semula jadi secara berterusan dan meningkatkan kefahaman dan daya kreativiti terhadap kemahiran proses sains, kemahiran manipulatif dan teknologi dalam kalangan pelajar.

Sementara itu Ketua Penolong Pengarah yang mewakili Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang, Mohd Fitri Mohd Mokhtar berkata, "Hari Alam Sekitar Negara merupakan acara tahunan yang telah disambut semenjak tahun 1989. Adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan agar penetapan secara simbolik hari "perayaan alam sekitar" ini dapat dirasai dan diingati oleh setiap masyarakat Malaysia bagi melambangkan semangat kebersamaan dalam mengharungi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin kompleks."

Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih memfokuskan kepada empat program utama iaitu Sertai Sahabat Sungai melalui Program Denai Sungai Kebangsaan, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal dan Elektronik (e-waste), Kempen Hindari Plastik Sekali Guna; dan Penghijauan Bumi dan Penanaman Pokok. Kementerian Alam Sekitar dan Air juga bersama-sama meraikan Sambutan Hari Sungai Sedunia. Sambutan Hari Sungai Sedunia yang jatuh pada 27 September 2020 yang lalu diadakan bertujuan memupuk kesedaran masyarakat dan komuniti setempat untuk bersama-sama menjaga kebersihan, keindahan sungai dan kelestarian alam sekitar.

